

Ahmad Mokhtar Timbalan Setiausaha Agung

Daripada Zulkofli Jamaludin

BH 26 JUL 2000

BANGKOK, Selasa – Setiausaha Rendah Asia Barat, Afrika dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Wisma Putra, Datuk Ahmad Mokhtar Selat, dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Agung Asean (Korporat), berkuat

kuasa 1 Ogos ini.

Pelantikan Mokhtar, 52, yang pernah berkhidmat sebagai duta Malaysia ke Peru diterima oleh Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) ke-33, di sini semalam.

Menteri Luar, Datuk

Seri Syed Hamid Albar, berkata pelantikan Mokhtar turut dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Malaysia mencadangkan satu nama untuk mengisi jawatan itu.

“Pelantikan itu membolehkan Mokhtar memberi sepenuh tumpuan membantu sekretariat Asean berikutan anggota pertubuhan itu kini berjumlah 10 negara,” katanya kepada

da pemberita selepas makan malam yang dianjurkan Kedutaan Malaysia, di sini malam tadi.

Sepanjang kerjayanya Mokhtar pernah berkhidmat di pejabat kedutaan Malaysia di Indonesia, India, Korea Selatan dan Kuwait, sebelum dilantik sebagai Konsul General di pejabat Konsul Malaysia di New York, Amerika Syarikat.

Ketika menjadi duta di Peru beliau pernah ditawan sebagai tebusan oleh

Pergerakan Revolusi Tupac Amaru ketika menghadiri majlis di kedutaan Jepun, dari 17 hingga 28 Disember 1996.

Mokhtar dilahirkan pada 2 Februari 1948 di Kampung Jemapoh, Negeri Sembilan dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Juaseh; Sekolah Tuanku Muhammad, Kuala Pilah dan Sekolah menengah King George V, Seremban.

Beliau juga pernah belajar di Sekolah Menengah

Kamil, Pasir Putih, Kelantan buat sementara waktu sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan menerima ijazah sarjana muda sastera dengan kepujian.

Mokhtar dan seorang lagi Timbalan Setiausaha Agung dari Vietnam akan membantu Setiausaha Agung, Rodolfo Certeza Severino untuk memper-

Syed Hamid berkata, pelantikan itu adalah peng-

horatan kepada negara kerana Asean kini adalah pakatan serantau yang semakin berkembang dan mendapat perhatian dunia.